Metro Ahad
www.hairanmetro.com.mai

HARI : AHAD
TARIKH : 1/9/2019
M/SURAT : 38

42 premis ditutup, dibatal lesen

Kuala Lumpur: Sebanyak 42 premis dikenakan tindakan tutup dan pembatalan lesen oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas pemeriksaan serta pemantauan dilakukan pihak berkuasa tempatan itu (PBT) bagi tempoh 26 Julai lalu hingga kelmarin.

Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Penguatkuasaan DBKL Osman Ismail berkata, operasi dijalankan pihaknya bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) membabitkan premis hiburan, urut dan siber.

"Semua premis dikenakan tindakan tutup dan pembatalan lesen itu didapati tidak memiliki lesen, tiada lesen hiburan dan salah guna lesen.

"Selain itu, 37 premis turut dikenakan tindakan sita peralatan membabitkan 591 barang, manakala lapan premis dikenakan tindakan pecah sekatan atau dinding dalam tempoh berkenaan.

"Sepanjang tempoh berkenaan, kami melakukan pemeriksaan dan pemantauan di premis sekitar pusat bandar ini secara rawak berdasarkan aduan diterima setiap hari," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Osman berkata, sepanjang tempoh itu agensi penguatkuasaan lain turut mengambil tindakan termasuk JIM yang menahan 410 pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Pihak AADK menahan 105 individu positif pelbagai dadah, manakala JAWI pula menahan 75 individu selain mengeluarkan 184 notis dalam serbuan itu," katanya.